PARTI KEADILAN RAKYAT



LAPORAN TAHUNAN KONGRES KE-15



Ibu Pejabat

Merchant Square, A-1-09,
Jalan Tropicana Selatan 1,
47410 Petaling Jaya, Selangor

Telefon
+603 7885 0530

Faks
+603 7885 0531

Emel
ibupejabat@keadilanrakyat.org

ISI KANDUNGAN

Prakata Setiausaha Agung	1
Prakata Presiden	5
Minit Mesyuarat	9
Laporan Setiausaha Agung	21
Laporan Ketua Setiausaha Pengelola	24
Laporan Biro Penerangan	30
Laporan Tahunan Negeri Johor	35
Laporan Tahunan Negeri Kedah	45
Laporan Tahunan Negeri Kelantan	51
Laporan Tahunan Negeri Melaka	57
Laporan Tahunan Negeri Sembilan	63
Laporan Tahunan Negeri Pahang	69
Laporan Tahunan Negeri Pulau Pinang	79
Laporan Tahunan Negeri Perak	87
Laporan Tahunan Negeri Perlis	147
Laporan Tahunan Negeri Sabah	153
Laporan Tahunan Negeri Sarawak	163
Laporan Tahunan Negeri Selangor	181
Laporan Tahunan Negeri Terengganu	189
Laporan Tahunan Negeri Wilayah Persekutuan	195
Laporan Kewangan 2019	205
Laporan Kewangan 2020	214

PRAKATA SETIAUSAHA AGUNG



Assalamualaikum WBT dan Salam Reformasi

Saudara Saudari Perwakilan Yang Dihormati Sekalian,

Alhamdulillah, bersama-sama kita memanjat rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah inayahNya maka Kongres Tahunan Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) Kali Ke-15 dapat diadakan pada 5 - 6 Jun 2021 melalui Sidang Video

Dalam tempoh mutakhir ini, selepas kejatuhan kerajaan mandate rakyat ekoran pengkhianatan 'Langkah Sheraton', negara kini berada dalam ketidakstabilan politik yang memberi kesan kepada kehidupan rakyat.

KEADILAN telah berlaku tegas dan adil kepada setiap anggotanya, khususnya dalam tindakan disiplin, sejurus peristiwa hitam ini. Hasilnya KEADILAN tetap utuh dan Bersatu hati dalam mendepani cabaran politik negara.

Maka Kongres Tahunan KEADILAN kali ini merupakan medan terpenting dalam mempersiapkan KEADILAN mendepani PRU-15. Penterjemahan agenda Reformasi harus dipasak di dalam setiap gerak langkah anggota parti baik dari peringkat pimpinan sehingga ke akar umbi. Demikian juga Kongres ini wajar menjadi medium dan saluran untuk kita muhasabah serta menilai prestasi KEADILAN untuk ditindaklanjuti secara serius ke hadapan.

Besar harapan saya agar Kongres pada kali ini dapat dimanfaatkan sidang perwakilan sekalian tanpa mengabaikan prosedur operasi standard yang digariskan sekretariat Kongres. Datanglah saudara saudari dengan harapan, dan kembalilah ke kawasan seusai Kongres dengan iltizam menggunung untuk menggembleng perubahan sebermula peringkat Cabang masing-masing.

Selamat Berkongres!

DATO' SERI SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL
Setiausaha Agung
Parti Keadilan Rakyat





PRAKATA PRESIDEN

Saudara saudari perwakilan yang dikasihi sekalian,

Alhamdulillah di atas kejayaan kita bersama menyempurnakan Kongres Nasional Tahunan Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) kali ke-15. Buat julung kalinya, kita berhimpun bersama-sama secara maya susulan wabak COVID-19. Namun ini tidak mematahkan iltizam kita bagi merencana, membahas serta menggilap kembali agenda reformasi dan perubahan untuk negara tercinta ini.

Semestinya isu-isu kritikal hingga ke sekecil-kecil isu selain pembangunan ekonomi yang adil dan saksama, pemerkasaan usaha melawan wabak COVID-19, usaha memperkasakan parti bagi menghadapi Pilihan Raya Umum ke-15, peranan wanita sebagai tunjang negara, serta peranan anak muda sebagai penerus perjuangan di dalam kongres ini tidak akan dikesampingkan.

Bertemakan “Pentas Rakyat”, Kongres kali ini penting dalam membawa penerusan laungan suara rakyat suara keramat dan ia harus dimaknai dengan kegigihan mempertahan idealisme serta membina jati diri dengan akhlak dan etika. Perlu ditekankan sekali lagi bahawa kejayaan bukan diukur dengan kuasa serta jabatan namun keupayaan kita dalam membela nasib rakyat.

Besar harapan saya agar Kongres KEADILAN kali ini akan menjadi lakaran sejarah yang penting, bukan sahaja buat keluarga majmuk KEADILAN, malah untuk seluruh rakyat Malaysia amnya melalui rencana yang terlaksana atau akan dilaksana atas nama perjuangan ini.

Akhir kalam, semoga Kongres kali ini bukan sahaja dapat memperkukuh semangat reformasi yang berlandaskan keadilan sosial dan prinsip-prinsip demokrasi, malah akan menjadi penimbal balik serta penanda aras perjuangan reformasi. Suka saya nyatakan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah buat barisan kepimpinan serta anggota-anggota KEADILAN atas segala usaha dan komitmen jitu tanpa kenal erti jemu meski diasak tantangan demi tantangan dalam menggagas perubahan yang didambakan rakyat dan negara.



DATO’ SERI ANWAR BIN IBRAHIM
Presiden
Parti Keadilan Rakyat





MINIT MESYUARAT

Tarikh
7hb - 8hb Disember 2019

Masa
09:00 Pagi

Tempat
Dewan B, Melaka International Trade Centre (MITC),
Ayer Keroh Melaka


Jumlah Perwakilan Yang Hadir
1905

Jumlah Pemerhati
3335

UCAPAN ALUAN SETIAUSAHA AGUNG

Setiausaha Agung mengalu-alukan tetamu kehormat pimpinan KEADILAN iaitu Presiden, Timbalan Perdana Menteri, Timbalan Presiden, Ahli Majlis Pimpinan Pusat, Ahli Majlis Angkatan Muda Keadilan dan Wanita, Ahli Majlis Pimpinan Negeri, Ketua-Ketua Cabang, Angkatan Muda Dan Wanita, Perwakilan, Pemerhati. Setiausaha Agung juga mengalu-alukan pimpinan dari parti komponan PH iaitu Pengerusi DAP, Sdr Tan Kok Wai, Ketua Armada Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman dan Naib Presiden Amanah, Yb Senator Datuk Hj Husam Musa. Tidak ketinggalan tetamu kehormat dari kedutaan asing dan NGO serta Ketua Menteri Melaka, YAB Tuan Haji Adly bin Zahari.

Beliau mengimbas kembali sejarah penubuhan yang bermula dari Keadilan Nasional dengan keanggotaan awal pada masa itu seramai 4,193 orang dimana Presiden pada ketika itu adalah Saudara Nordin Ismail yang kemudianya diambil alih oleh Dr Wan Azizah dan dikenali sehingga sekarang sebagai Keadilan Rakyat dengan keanggotaannya setakat 15hb November 2019 seramai 948,239 anggota. Beliau juga memaklumkan bahawa kongres pada kali ini mendapat permohonan untuk membuat liputan media masa mencecah sehingga 500 agensi berita. Beliau akhiri ucapan dengan merakamkan ribuan terima kasih berharap agar perjalanan kongres ini akan mengikut lunas-lunas perlembagaan peraturan parti serta memohon maaf atas sebarang kekurangan.



UCAPAN PRESIDEN

Presiden mengucapkan ribuan terima kasih kepada yang hadir dan menyatakan buat kali pertama beliau menyampaikan ucapan dasar sebagai Presiden Parti. Presiden memulakan ucapan dengan mengimbas kembali sejarah Parti Keadilan dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr Wan Azizah Wan Ismail dan bersama- sama dengan timbalan presiden serta rakan-rakan seperjuangan yang telah mengemudi bahtera selama 20 tahun sehingga ke hari ini. Presiden membicarakan mengenai konsep perjuangan KEADILAN dan menegaskan bahawa pimpinan baru harus menjelaskan perkara ini pada anggota baru dan memperingatkan kepada anggota lama. Presiden menyentuh beberapa perkara antaranya mengenai masalah kemiskinan yang jauh lebih tinggi berbanding kenyataan yang ada, masalah pengangguran yang masih belum mampu diatasi dan isu PTPTN yang menjadi kegelisahan rakyat. Presiden menyarankan agar setiap anggota parti dapat meningkatkan kesefahaman di antara satu sama lain walaupun berbeza pendapat.



UCAPAN ALUAN PENGERUSI TETAP

Pengerusi Tetap merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada semua Perwakilan, Pemerhati dan juga anggota parti yang hadir dari seluruh pelusuk tanah air. Beliau menjelaskan bahawa Kongres Nasional Tahunan ini adalah antara perkara wajib yang perlu diadakan sekali dalam setahun selaras dengan Perlembagaan Parti Fasal 18.1. Beliau juga mengingatkan sidang kongres untuk mematuhi setiap peraturan tetap persidangan untuk sebarang aktiviti dan tindakan yang berhubung kait dengan perjalanan kongres.

SESI PEMBENTANGAN DOKUMEN-DOKUMEN PARTI

MINIT KONGRES NASIONAL TAHUNAN KE-13 2018

Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail selaku Setiausaha Agung membentangkan Minit Kongres Nasional Tahunan ke-13, 2018.

Pencadang : Sdr Shaharullizam bin Harun dari Cabang Batu Pahat
Penyokong : Sdr Vengatesa Rao dari Cabang Jerai
Keputusan : Kongres dengan sebulat suara mengesah dan meluluskan minit yang dibentangkan oleh Datuk Seri Setiausaha Agung

MINIT KONGRES NASIONAL TAHUNAN KE-13 2018

Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail selaku Setiausaha Agung membentangkan Laporan Tahunan 2018.

Keputusan : Kongres dengan sebulat suara mengesah dan meluluskan laporan yang dibentangkan oleh Datuk Seri Setiausaha Agung

MINIT KONGRES NASIONAL TAHUNAN KE-13 2018

Lee Chean Chung selaku Bendahari Agung membentangkan Laporan Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.

Pencadang : Gunasagaran A/L Achiapan dari Cabang Langkawi
Keputusan : Kongres dengan sebulat suara mengesah dan meluluskan Laporan Kewangan yang dibentangkan oleh Bendahari Agung

USUL MENYOKONG UCAPAN DASAR PRESIDEN

Mohd Raffie Ibrahim
Melaka

Pembahas melahirkan rasa kesyukuran kerana Melaka diberi penghormatan sebagai tuan rumah sempena 20 tahun kewujudan Parti Keadilan Rakyat. Mengingatkan semua anggota bahawa ini adalah masanya untuk meneruskan agenda 'Mereformasikan Rakyat' dan terus menyemaikan rasa kesyukuran dan mengeratkan lagi jalinan ukhwah untuk mengelakkan perbezaan kerana kepentingan rakyat melebihi daripada kepentingan diri sendiri. Selaku pembahas pertama beliau menyokong usul ucapan dasar Presiden.



Mohd Firdaus Johari
Kedah

Membahaskan mengenai saingan dan cabaran anak muda. Golongan anak muda yang mengundi PH berharap mendapat pembelaan apabila PH memerintah. Mohon agar kerajaan focus kepada kebajikan golongan muda kerana kadar pengangguran 2019 masih di tahap kekal iaitu 3.2%. Ekonomi digital dicadangkan untuk pembangunan seimbang di Sabah, Sarawak dan Kedah. Pembahas juga mengusulkan agar Presiden diangkat Sebagai PM ke-8. Mengakhiri ucapan, pembahas mengusulkan agar tol dan PTPTN diberi perhatian kerana ini menjadi bahan pemberontakan rakyat.

Nurainie Haziqah
Ketua Srikandi Keadilan

Pembahas membawa tajuk tanggungjawab wanita dalam kerajaan. Pembahas melahirkan rasa syukur kerana kongres wanita berjaya dilaksanakan dengan sempurna. Pembahas mohon agar wanita diberi tugas sebagai pembuat keputusan dan mencadang agar 50% dari jawatan ahli majlis dapat diberikan kepada golongan wanita. Pembahas juga mohon agar remaja berumur 18 tahun dapat di gerakkan ke lapangan dengan segera sekiranya mahu KEADILAN terus bergerak maju. Pembahas menyokong ucapan dasar presiden.

Dato' M.A Tinagaran A/L Arumugam
Perak

Pembahas menerangkan bahawa kekuatan KEADILAN adalah kerana Pemuafakatan. Pembahas menegur sistem harga barangan dan kontraktor-kontraktor UmnoBN yang masih bermaharajalela di dalam agensi-agensi kerajaan. Pembahas menerangkan bahawa dalam berpolitik terdapat tiga golongan iaitu, 'The Idiot' iaitu mereka yang bukan bodoh tetapi perahsia dan berkepentingan diri sendiri, 'The Tribal' iaitu golongan yang sangat kuat kesukuan dan 'The Citizen' iaitu golongan yang tahu bertanggungjawab. Pembahas mohon kepada semua anggota perwakilan agar menilai tiga golongan yang disebutkan di atas. Pembahas menamatkan ucapan dengan mengusulkan agar Presiden diangkat menjadi PM yang Ke-8.

Syed Badli Shah
AMK

mbahas menyatakan bahawa AMK melalui setiap zaman yang berbeza ceritanya. Pada zaman YB Akmal adalah zaman yang getir namun bersyukur kerana semua perbezaan pendapat dapat diatasi dengan sebaiknya. Memohon untuk menetapkan satu kadar tertentu untuk tujuan pembangunan anak muda. Berpesan kepada semua Anggota AMK agar mematuhi peraturan parti dari perkara kecil hingga perkara sebesar-besarnya. Pembahas menyokong ucapan dasar Presiden.

Gan Ay Ling
Perlis

embahas menerangkan bahawa pendidikan kepada wanita sangat penting kerana ia menjadi titik permulaan kepada kemajuan diri mereka dan pembentukan institusi keluarga kelak. Wanita semakin mendapat peluang yang baik dalam negara. Pencapaian negara kini amat memerlukan kerajaan yang dapat merealisasikan impian wanita dan masyarakat. Pembahas mengingatkan anggota parti untuk mempertahankan permuafakatan yang terbina dan menanti Presiden sebagai PM ke-8 dan menyokong usul ucapan dasar presiden.

Abun Sui Anyit
Sarawak

Pembahas menyatakan bahawa puak-puak yang jelas merosakkan harus dibuang terus dari organisasi. Pembahas bersyukur di atas kesepakatan di antara presiden dan timbalan presiden. Keutuhan dan kesepakatan ini harus dilihat secara positif oleh rakyat negeri Sarawak yang bakal akan mengadakan Pilihanraya Negeri tidak lama lagi. Pembahas juga berharap agar Pengerusi MPN negeri Sarawak iaitu Yb Baru Bian dapat memimpin Parti PKR dengan sebaik-baiknya. Pembahas menyokong Presiden diangkat menjadi PM ke-8.

Mohd Amin Abd Mem
Sabah

Pembahas menyatakan bahawa kekuatan Parti PKR di negeri Sabah terserlah pada PRU13 dimana KEADILAN berjaya menawan 3 DUN dan 1 Parlimen. Manakala pada PRU-14 Negeri Sabah telah Berjaya memenangi pilihanraya dan berjaya menumbangkan UmnoBN. Kepimpinan PKR hanya kuat dan teguh di bawah pimpinan presiden. Majlis Pimpinan Sabah teguh menyokong kepimpinan Presiden dan menyokong agar presiden diangkat sebagai PM ke-8.

Zainal Fikri
Negeri Sembilan

Pembahas menegaskan bahawa komitmen dan kesetiaan kepada pimpinan teratas parti haruslah dilandasan yang positif. Pembahas menyokong usul ucapan dasar presiden dan usul mengangkat Datuk Seri Presiden sebagai PM ke-8.

Mohd Shahrul Nizam
Mahasiswa Keadilan

Sebagai wakil mahasiswa, Pembahas menyampaikan rasa selesa para mahasiswa di setiap pertemuan mereka dengan presiden dan menyatakan bahawa tidak susah berjumpa dengan Dato seri Presiden kerana beliau seorang yang amat fleksibel dan tidak memilih tetamu. Mahasiswa dituntut terlibat dengan demokrasi seawall penglibatan mereka dalam kampus. Pembahas mohon agar diluluskan peruntukan untuk pembangunan kesedaran politik. Menyatakan bahawa 7 juta pengundi bakal menjadi penentu dalam organisasi pengundian negara. Pembahas mohon kepada kerajaan agar memberi perhatian kepada pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan agar mereka dapat meneruskan pembelajaran mereka.

Bibi Shafinaz
Perlis

KEADILAN adalah parti yang mempunyai struktur organisasi terbaik yang sebelum ini di bawah pimpinan Dato sri Wan Azizah Wan Ismail. Peranan wanita perlu dihargai, jangan dibiarkan wanita merajuk. Mohon pimpinan pusat beri perhatian kepada negeri perlis kerana negeri ini masih di bawah pemerintahan pembangkang. Pada PRU akan datang diharapkan impian ini dapat direalisasikan, beliau menyokong ucapan dasar presiden.Adam Fistival Wilfred (Sabah)

Pembahas menyokong ucapan dasar presiden. Pembahas menekankan bahawa setiap anggota perlu bangkit menguatkan parti yang telah dibina selama 20 tahun. Pembahas mengingatkan agar tidak lupa pada agenda rakyat prinsip perjuangan asal.

Ismail
Kelantan

Pembahas memulakan ucapan mengenai 20 tahun KEADILAN dan menyatakan bahawa Presiden adalah insan yang dibaratkan telah membakar diri dengan berkorban demi Parti Keadilan Rakyat. Pembahas menyarankan agar semua berusaha menegakkan keadilan & perlu istiqamah dalam perjuangan keadilan. Sebagai perwakilan dalam negeri yang masih berada dalam kerajaan pembangkang, dengan semangat iltizam yang tinggi untuk merampas negeri Kelantan serta terus memartabatkan KEADILAN sehingga akhir hayat.

YB Gooi Hsiao-Leung
Pulau Pinang

Pembahas berbesar hati dengan pertemuan Presiden dan Timbalan Presiden sehari sebelum kongres, ini menunjukkan bahawa kepentingan parti melebihi segalanya. Pembahas berkongsi rasa sedih kepada perkara yang berlaku kepada kongres Angkatan Muda dan merasa terharu dengan presiden kerana memohon maaf terhadap apa yang berlaku dalam sayap Angkatan Muda kerana parti dan seluruh pimpinan menolak ‘gengsterism’. Seluruh rakyat sedang menanti untuk Dato Seri Presiden di angkat menjadi PM ke-8 dan menyokong ucapan dasar presiden.

Mohd Shahrun Radzi
Johor

Pembahas menyokong ucapan dasar presiden dan menggesa agar dapat mengurangkan kos hidup rakyat.

Syed Badli Shah
AMK

mbahas menyatakan bahawa AMK melalui setiap zaman yang berbeza ceritanya. Pada zaman YB Akmal adalah zaman yang getir namun bersyukur kerana semua perbezaan pendapat dapat diatasi dengan sebaiknya. Memohon untuk menetapkan satu kadar tertentu untuk tujuan pembangunan anak muda. Berpesan kepada semua Anggota AMK agar mematuhi peraturan parti dari perkara kecil hingga perkara sebesar-besarnya. Pembahas menyokong ucapan dasar Presiden.

Che Zam
Wilayah Persekutuan

Pembahas menentang dan menolak rasuah keseluruhannya dan amat kesal kerana terdapat beberapa pihak yang mempertahankan orang yang melakukan rasuah. Pembahas menyatakan Reformis berjuang untuk amanah dan bukan kerana pangkat. Pembahas menyatakan beliau menghormati Presiden kerana prinsipnya dan menyeru Majlis Pimpinan Pusat mengambil tindakan disiplin pada yang melanggar perlembangaan parti.

Zainal Fikri
Jelebu

Pembahas menegaskan bahawa komitmen dan kesetiaan kepada pimpinan teratas parti haruslah dilandasan yang positif. Pembahas menyokong usul ucapan dasar presiden dan usul mengangkat Datuk Seri Presiden sebagai PM ke-8.

Syed Mohd Al Amin
Terengganu

Pembahas menyatakan sokongan tidak berbelah bagi untuk mengangkat Datuk Seri Presiden sebagai PM ke-8. Pembahas menyedari Parti keadilan Rakyat di Terengganu sedikit terpinggir namun tetap bertekad mengemudi Parti ini walau apa cabarannya. Pembahas mohon agar Parti Keadilan Rakyat di negeri itu diberi bantuan dan sokongan dan mengingatkan kepada manifesto seperti soal pembayaran PTPTN dan kenaikan harga barang ini harus dikaji dan diberi perhatian kerana boleh menghakis kepercayaan rakyat kepada PH.

Dr Shatishkumar A/L Govindaraju
Selangor

Pembahas memuji kelestarian alam sekitar dan langkah-langkah pengenalan Pendidikan alam dan keselamatan. Parti bukan hanya semata-mata perjuangan sejagat tetapi juga untuk kesempurnaan hubungan di antara alam dan manusia. Bagi negeri Selangor, barisan pimpinan adalah serata dan merangkumi seluruh kekuatan anggota. Pembahas menyokong usul ucapan dasar presiden.

Yusri Ahon
Pahang

Merasa berbesar hati kerana menjadi wakil Orang Asal yang diberi peluang untuk berucap. Pembahas meluahkan rasa sedih dengan keadaan orang asli masih belum terbela sepenuhnya kerana tanah-tanah yang menjadi sumber kehidupan mereka banyak dicerobohi. Menyatakan sokongan penuh beliau kepada ucapan dasar presiden.

UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penggulungan disampaikan oleh pimpinan-pimpinan sesi 2018-2021. Mereka menekankan aspek pemuafakatan, perpaduan dan toleransi di kalangan anggota parti dan pimpinan parti. Presiden menyeru agar anggota parti mempertahankan prinsip asal perjuangan parti agar kemenangan dapat dipertahankan dan dapat mentadbir kerajaan bukan hanya sepenggal. Antara pimpinan yang menyampaikan ucapan penggulungan ialah;

- Fahmi Fadzil
  (Pengarah Komunikasi Pusat)
- Nik Nazmi Nik Ahmad
  (Ketua Setiausaha Pengelola Pusat)
- Shamsul Iskandar Akin
  (Ketua Penerangan Pusat)
- Akmal Nasir Nasrullah
  (Ketua Angkatan Muda Malaysia)
- Sangeetha A/P Jayakumar
  (Exco Wanita Malaysia)
- Chang Lih Kang
- Chua Tian Chang
- Xavier Jayakumar
- Wan Azizah Wan Ismail
- Saifuddin Nasution Ismail

PEMBENTANGAN USUL-USUL DILULUSKAN

Pengerusi Tetap mengumumkan bahawa usul-usul telah dipersetujui secara sebulat suara.

UCAPAN PENANGGUHAN OLEH PRESIDEN

Presiden merakamkan kesyukuran di atas kehadiran perwakilan yang diluar jangkaan kerana ramai yang telah meluangkan masa dan berkorban tenaga untuk datang ke kongres nasional tahun ini. Presiden mengingatkan sekali lagi bahawa parti ini parti reformasi, perbezaan pandangan tidak boleh memadam semua kebaikan. Oleh itu, kita harus mendengar pandangan semua pihak sebelum bertindak. Presiden memberi peringatan bahawa pergaduhan boleh dibawa bersabar tetapi rasuah tidak sama sekali. Presiden menyatakan bahawa sahabat pimpinan selama 20 tahun bukan mudah disingkirkan hanya kerana perbezaan pendapat. Presiden mohon agar jangan ada lagi serang menyerang kerana parti tidak akan menyekat sesiapa sahaja yang ingin keluar daripada parti. Jelas Presiden, sesiapa yang berminat dengan isu-isu rakyat maka ‘pilihlah Parti Keadilan Rakyat’. Isu-isu PTPTN, anak muda dan ekonomi semuanya dalam perhatian beliau. Presiden nyatakan terdapat permintaan bahawa penguatkuasaan terhadap peraturan dan perlembagaan parti harus dilakukan juga sedang diteliti.


PEMBENTANGAN USUL-USUL DILULUSKAN

Pengerusi Tetap menangguhkan persidangan ini tepat jam 1.40 petang pada 8hb Disember 2019.



LAPORAN SETIAUSAHA AGUNG

Rekod keanggotaan KEADILAN terkini ialah berjumlah 1,033,093 orang anggota. Data ini direkodkan sehingga 29 April 2021. Walaupun KEADILAN menghadapi banyak liku-liku, namun KEADILAN masih rancak dengan penyertaan anggota baru. Semenjak tahun 2020 sehingga data ini dikeluarkan, seramai 66 383 penyertaan baru telah diluluskan sebagai anggota KEADILAN. Kenaikan bilangan anggota adalah berterusan dari hari ke hari.



Jumlah keseluruhan: 1,033,093

Data Sehingga 29 April 2021





LAPORAN KETUA SETIAUSAHA PENGELOLA

Statistik Ranting KEADILAN yang berdaftar sehingga 30 April 2021 (Mengikut Negeri)

Negeri	Ranting Berdaftar	Menuggu Kelulusan	Tamat Tempoh
Selangor	529	159	233
Perak	510	24	43
Johor	177	0	41
Sabah	144	0	36
Melaka	137	0	2
Negeri Sembilan	124	6	27
Wilayah Persekutuan	70	1	3
Sarawak	70	0	0
Pahang	65	0	12
Kedah	63	46	86
Pulau Pinang	57	0	16
Terengganu	56	2	0
Perlis	15	0	2
Kelantan	10	0	24
JUMLAH		238	525

- Jumlah Ranting KEADILAN yang sah berdaftar ialah sebanyak 2027 ranting.
- Ranting yang Menunggu kelulusan akan disemak untuk kelulusan dalam JK Penubuhan Ranting
- Ranting Tamat Tempoh boleh diperbaharui, tempoh hayat setiap ranting ialah 3 tahun bermula dari Tarikh diuluskan.

Perkara	Tarikh
Mesyuarat Penubuhan Ranting	28/01/2020
Mesyuarat Penubuhan Ranting Bersama KSU Negeri	6/02/2020
Mesyuarat Penubuhan Ranting (Dibatalkan, PKP)	29/04/2020
Mesyuarat Penubuhan Ranting	20/07/2020
Mesyuarat Penubuhan Ranting Bersama KSU Negeri	10/08/2020
Mesyuarat Penubuhan Ranting	6/10/2020
Mesyuarat Penubuhan Ranting	18/12/2020
Mesyuarat Penubuhan Ranting	27/01/2021
Mesyuarat Penubuhan Ranting Bersama KSU Negeri	3/02/2021
Mesyuarat Penubuhan Ranting	10/03/2021
Mesyuarat Penubuhan Ranting	13/04/2021

PROGRAM-PROGRAM BERSAMA RANTING-RANTING

Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Ranting

Pada awal tahun 2020, YB Nik Nazmi selaku Ketua Setiausaha Pengelola Pusat yang bertanggungjawab mengendalikan Ranting KEADILAN telah merangka program besar iaitu Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Ranting. Dijadualkan program ini akan berlangsung di semua Negeri KEADILAN seluruh Malaysia. Namun, malangnya program ini terpaksa ditangguhkan kerana negara kita dilanda wabak COVID-19 yang mengakibatkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diwartakan. Hanya dua (2) negeri sahaja yang bertuah iaitu Perlis dan Kedah




Majlis Perasmian Perdana Mesyuarat Agung Tahunan Ranting Negeri Perlis, 15 Februari 2020

sempat melaksanakan program ini. Program ini mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan terutamanya dari ahli ranting dan akar umbi. Walaupun telah tertangguh begitu lama, namun pihak Ketua Setiausaha Pengelola tetap bertekad untuk meneruskan semula program ini apabila keadaan negara kita kembali pulih dari wabak COVID-19.an kerana kita digemparkan dengan Piliharan Raya Negeri Sabah 2020 (PRN). Keluarga besar KEADILAN perlu bertungkus lumus untuk persiapan PRN Sabah ini.

Program Temu Rapat Ranting (Hybrid)

Setelah selesai Pilihan Raya Negeri Sabah 2020, sekali lagi kita diperintahkan untuk PKP. Program Perasmian Mesyuarat Agung Ranting sudah pasti tidak boleh disambung. Dalam kekangan PKP, namun memikirkan terlalu lamanya terputus komunikasi rasmi dengan ranting-ranting dan akar umbi, maka telah dirancang satu program alternatif iaitu Program Temurapat Maya Ranting. Program ini dirancang pada penghujung 2020 dan berjalan pada awal tahun 2021. Pada awal, program ini dijalankan sepenuhnya secara



Tangkap layar Program Temu Rapat Maya Ranting 2021, Kelantan & Terengganu.



Program Temu Rapat Maya Ranting 2021 (hybrid), Melaka.

atas talian menggunakan aplikasi ZOOM. Setelah program maya berlangsung dengan beberapa negeri, kerajaan mula mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan membenarkan program dijalankan tetapi dengan garis syarat-syarat ditetapkan. Bermula PKPB, program maya ini diubah sedikit pendekatannya iaitu menjadi Temu Rapat Ranting (Hybrid). Program secara hybrid ini adalah dilakukan dengan sebahagian hadir secara fizikal dan sebahagian lagi hadir secara maya. Sebanyak lima (5) negeri berjaya dilaksanakan program ini secara hybrid iaitu Melaka, Johor, Wilayah Persekutuan, Selangor dan Pahang.

Program Temu Rapat Ranting 2021 (Hybrid) telah selesai dengan gemilangnya pada 11 April 2021 berakhir di Negeri Pahang. Rata-rata yang mengikut program temu rapat ini begitu teruja dan semua berharap agar program ranting seterusnya akan dapat dibuat secara fizikal sepenuhnya. Bersama-sama kita berdoa agar wabak COVID-19 ini dapat ditangani dengan segera.

LAPORAN BIRO PENERANGAN



Program
Latihan Biro Penerangan

Tempat
Institut Darul Ehsan,
Shah Alam





Program
Konvensyen Penerangan
Parti Keadilan Rakyat

Tempat
Hotel De Palma, Ampang.





Program
Apa Cerita Bah
– PRN Sabah

Tempat
Sabah



Program

Latihan Tertutup Cybertrooper

Tempat

Hotel Muzaffar, Melaka





LAPORAN TAHUNAN NEGERI JOHOR

Alamat Pejabat
78-01, Jalan Pertama 1,
Pusat Perdagangan 81200
Johor Bahru, Johor

No. Telefon Pejabat
011-6194 7905

No Fax Pejabat
-

AHLI JAWATANKUASA MAJLIS PIMPINAN NEGERI 2020

Jawatan	Nama
Pengerusi Negeri / Ahli Parlimen Ledang / Ketua Cabang Ledang	Yb Syed Ibrahim Bin Syed Noh
Timbalan Pengerusi Negeri / Ketua Cabang Pulai / ADUN Bukit Batu	Yb Jimmy Puah Wee Tse
Naib Pengerusi Negeri / Ahli Parlimen Sekijang	Yb Natrah Binti Ismail
Naib Pengerusi Negeri / Ketua Cabang Sekijang	Yoong Thau
Naib Pengerusi Negeri / ADUN Tiram	Yb Gopalakrishnan A/L Subramaniam
Setiausaha / Ketua Cabang Muar	Naim Bin Jusri
Bendahari Negeri / Ketua Cabang Pagoh	Subramani A/L Chami
Ketua Penerangan Negeri / Ketua Cabang Bakri / ADUN Bukit Naning	Yb Ysahrudin Bin Kusni
Setiausaha Pengelola Negeri / Ketua Cabang Ayer Hitam	Jacqualine Neo Poi Hoon
Ketua Angkatan Muda Negeri	Yuneswaran A/L Ramaraj
Timbalan Ketua Angkatan Muda Negeri	Mohd Norfaiz Bin Aladin
Ketua Wanita Negeri	Napsiah Binti Khamis@Mahran
Timbalan Ketua Wanita Negeri	Zulinah Binti Johari
Ketua Cabang Iskandar Puteri	Ramesh A/L Nagamalay
Ahli Parlimen JB /Ketua Cabang Johor Bahru	Yb Akmal Nasrullah Bin Mohd Nasir
Ketua Cabang Kota Tinggi	Chin Lian Choon
Ketua Cabang Kulai	Hasnizam Bin Hussain
Ketua Cabang Mersing	Khairil Bin Adanan
Ketua Cabang Parit Sulong	Kusni Bin Simoh
Ketua Cabang Pasir Gudang	Murad Bin Jailani

Jawatan	Nama
Ketua Cabang Pengerang	Chong Chun Yuet
Ketua Cabang Segamat	Frances Sales A/L Balan
Ketua Cabang Sembrong	Mohd Shahrun Radzi Bin Salehudin
Ketua Cabang Simpang Renggam	Wong Yung Chin
Ketua Cabang Sri Gading	Mulyadi Bin Ali
Ketua Cabang Tanjong Piai	Mohd Zaiful Bin Bakri
Ketua Cabang Tebrau	Teoh Eng Yoon
Ketua Cabang Tenggara	Shamsuri Bin Shahdan
Ketua Cabang Batu Pahat	Syed Hamid Bin Syed Ali
Ketua Cabang Pontian	Haniff Bin Hosman
Ketua Cabang Labis	Ravi Sankar A/L Yallamalai
Ketua Cabang Kluang	C Kalytas A/L Chandrasehan
Ahli Majlis Pimpinan Negeri	Malik Faishal Bin Ahmad
Ahli Majlis Pimpinan Negeri	Zabidie Bin Abas
Ahli Majlis Pimpinan Negeri (Ex-Officio) / ADUN Semerah	Yb Mohd Khuzzan Bin Abu Bakar
Ahli Parlimen Pasir Gudang	Yb Hassan Bin Abd Karim

Laporan Mesyuarat Negeri

Tarikh	Program	Tempat
8 Januari 2020	Menghadiri program sembang santai Penerangan anjuran Penerangan Cabang Bakri.	Pejabat KEADILAN Negeri Johor
8 Januari 2020	Mesyuarat Biro Politik – Jam 3.00 petang	Pejabat KEADILAN Negeri Johor
18 Januari 2020	Mesyuarat Majlis Pimpinan Negeri ke 8 – Jam 5.30 petang	Pejabat KEADILAN Negeri Johor
4 Februari 2020	Majlis Pertemuan Santai MPN Keadilan Johor Bersama YAB Dato' Menteri Besar Johor	Rumah VIP Johor, Johor Bahru
20 Februari 2020	Mesyuarat Biro Politik Negeri Johor 9	Pejabat KEADILAN Negeri Johor
20 Februari 2020	Mesyuarat Majlis Pimpinan Negeri ke 9 (2018-2021)	Pejabat KEADILAN Negeri Johor
6 Mac 2020	Mesyuarat Majlis Pimpinan Negeri Khas	Pejabat KEADILAN Negeri Johor
3 Mei 2020	Mesyuarat Biropol MPN ke 10	Zoom Meeting
10 Mei 2020	Edaran Kurma ke 26 Cabang.	Sumbangan ke Cabang
1 Jun 2020	Mesyuarat Biropol MPN ke 11	Zoom Meeting
2 Jun 2020	Mesyuarat Lantikan Pemerkasaan Cabang Batu Pahat.	Cabang Batu Pahat
9 Jun 2020	Mesyuarat MPN ke 10.	Zoom Meeting
20 Jun 2020	Mesyuarat Biropol MPN ke 12	Pejabat KEADILAN Negeri Johor
3 Julai 2020	Lawatan MPN ke Cabang Labis, Segamat dan Sekijang	Labis, Segamat dan Sekijang
4 Julai 2020	Mesyuarat Pemerkasaan Cabang Ledang	Ledang
17 Julai 2020	Mesyuarat BIRO POL MPN 13	Pejabat Negeri KEADILAN Johor
17 Julai 2020	Mesyuarat MPN ke 11	Pejabat Negeri KEADILAN Johor
3 Ogos 2020	Mesyuarat Jawatankuasa Rundingan Kerusi PH	Pejabat AMANAH

Tarikh	Program	Tempat
8 Ogos 2020	Perasmian Pejabat Keadilan Cabang Segamat	Cabang Segamat
9 Ogos 2020	Lawatan ke Cabang Simpang Renggam	Cabang Simpang Renggam
28 Ogos 2020	Mesyuarat Biropol MPN Johor 14	Pejabat KEADILAN NEGERI
28 Ogos 2020	Mesyuarat MPN Johor 12	Pejabat KEADILAN NEGERI
15 Oktober 2020	Mesyuarat BIROPOL MPN Johor 15	Zoom Meeting
22 Oktober 2020	Mesyuarat MPN Johor 13	Pejabat KEADILAN Negeri Johor
25 Oktober 2020	Lawatan Pengerusi MPN Johor ke 4 Cabang(Mersing,Kota Tinggi, Pengerang dan Tenggara)	Cabang Mersing, Cabang Kota Tinggi,Cabang Pengerang dan Cabang Tenggara
3 September 2020	Mesyuarat Biropol MPN Johor 16	Zoom Meeting
10 September 2020 – 26hb September 2020	MPN Johor telah ditugaskan ke DUN Beaufort untuk PRN Sabah kali ke 16	PRN Sabah
16 September 2020	Perasmian Mesyuarat Cabang Penaja Pontian	Cabang Pontian
26 November 2020	Mesyuarat Biropol MPN Johor 17	Zoom Meeting
27 November 2020	Mesyuarat MPN Johor 14	Zoom Meeting
05 Disember 2020	Mesyuarat Pakatan Harapan Johor	Pejabat Parti Amanah
16 Disember 2020	Mesyuarat Biropol MPN Johor 18	Zoom Meeting
27 Disember 2020	Mesyuarat MPN Johor 15	Pejabat KEADILAN Negeri Johor

Laporan Aktiviti Negeri Bagi Tahun 2020

Tarikh	Program	Tempat
18 Januari 2020	Merasmikan pejabat & penubuhan Ranting Bandar Simpang Renggam bersama Sdr Naim Jusri SU Keadilan Johor dan Yb Ysahrudin Kusni Ketua Penerangan Keadilan Johor	Cabang Simpang Renggam
18 Januari 2020	Suai Kenal Team Penerangan Keadilan Johor & Penubuhan Wanita Penaja Cabang Kluang	Cabang Kluang
8 Februari 2020	Menghadiri program sembang santai Penerangan anjuran Penerangan Cabang Bakri.	Cabang Bakri
9 Februari 2020	Menghadiri Latihan Ketua Penerangan Negeri & Cabang Siri 1 Anjuran Penerangan Keadilan Pusat	Institut Darul Ehsan, Shah Alam
11 Februari 2020	Program Penerangan Negeri Johor di Cabang Sri Gading	Cabang Sri Gading
13 Februari 2020	Program Penerangan di Pt Ulu Semerah, Ayer Hitam	Ayer Hitam, Johor
14 Februari 2020	Mesyuarat Jawatankuasa Biro Penerangan Negeri Johor	Pejabat Cabang Parit Sulong
9 Mac 2020	Menghadiri program Pertahankan Mandat Rakyat 2020	Sime Darby Convention Centre, KL
30 Mac 2020	Sumbangan Bantuan Khas PKP sebanyak RM1,000.00 untuk 26 Cabang.	Sumbangan ke Cabang
30 April 2020	Sumbangan Bantuan Khas PKP sebanyak RM1,000.00 untuk 26 Cabang.	Sumbangan ke Cabang
10 Mei 2020	Edaran Kurma ke 26 Cabang.	Sumbangan ke 26 Cabang
20 Jun 2020	Lawatan ke Cabang Keadilan Pontian dan Cabang Keadilan Tg Piai bersama Yb Syed Ibrahim Pengerusi Keadilan Johor dan Sdr Naim Jusri SU Keadilan Johor	Pontian dan Tg Piai
21 Jun 2020	Jelajah Food Bank MPN Johor 26 Cabang Terlibat	4 Lokasi Pengambilan barang sumbangan barang sumbangan (Ledang,Ayer Hitam, Kulai, Johor Bahru)
23 Jun 2020	Jejak Mangsa Banjir di Tanjung Tohor dan Sungai Gersik bersama Sdr Naim Jusri SU Keadilan Johor	Parlimen Muar
29 Jun 2020	Ziarah Muhibbah MPN Johor ke Cabang Keadilan Sri Gading bersama Yb Syed Ibrahim, Sdr Naim Jusri dan Yb Ysahrudin .	Parlimen Sri Gading

Tarikh	Program	Tempat
11 Julai 2020	Program SELKOM	Pejabat Negeri KEADILAN Johor
25 Julai 2020	Himpunan Ranting-ranting Batu Pahat bersama Sdr Naim Jusri SU Keadilan Johor	Senggarang, Batu Pahat
26 Julai 2020	Konvensyen Penerangan KEADILAN	Hotel De Palma, Ampang, Kuala Lumpur
18 Ogos 2020	Penstrukturan Semula AJK Cabang Sri Gading bersama Sdr Naim Jusri SU Keadilan Johor dan Yb Ysahrudin Kusni Ketua Penerangan Keadilan Johor	Sri Gading
5 September 2020	Jelajah Foodbank MPN Johor ke Parlimen Johor Bahru bersama Yb Akmal Nasrullah Ahli Parlimen Johor Bahru	Parlimen Johor Bahru
11 September 2020	Mesyuarat Pilihanraya Dun Beaufort-PRN Sabah-bersama Sdr Naim Jusri SU Keadilan Johor	PRN SABAH
4 Oktober 2020	Diskusi Pemandu Teksi bersama Yb Gopalakrishnan Naib Pengerusi Keadilan Johor	Ulu Tiram
25 Oktober 2020	Rombongan MPN ke Cabang Keadilan Kota Tinggi bersama Yb Syed Ibrahim Pengerusi Keadilan Johor, Sdr Naim Jusri SU Keadilan Johor dan Sdr Yuneswaran Ramaraj Ketua AMK Johor	Kota Tinggi
28 November 2020	Edaran Pelitup Muka di Kawasan Pulai dan Sumbangan Barangan Dapur kepada rumah anak-anak yatim shafar bersama Ketua Wanita Keadilan Johor	Pulai
28 November 2020	Kempen Kesedaran Anti Keganasan ke atas Wanita di Taman Tasik Merdeka bersama Ketua Wanita Keadilan Johor Sdri Napsiah Khamis dan Yb Akmal Nasrullah Ahli Parlimen JB	Johor Bahru
8 Disember 2020	Kerjasama The Lost Food Project dan FoodBank Jb bersama Yb Akmal Nasrullah Ahli Parlimen Johor Bahru	Johor Bahru
8 Disember 2020	Sumbangan Barangan Dapur di Kg Melayu Bukit Batu bersama Yb Jimmy Puah Timb Pengerusi Keadilan Johor	Kg Melayu Bukit Batu, Kulai
12 Disember 2020	Sumbangan barangan dapur kepada penduduk Orang Asli Kg.Telok Jawa bersama Yb Hassan Karim Ahli Parlimen Pasir Gudang	Parlimen Pasir Gudang

Tarikh	Program	Tempat
14 Disember 2020	Sumbangan kepada Pesakit Angin Ahmar dari Yb Gopalakrishnan Adun Tiram merangkap Naib Pengerusi Keadilan Johor	Dun Tiram
21 Disember 2020	Sumbangan Kompang dan Jidur di DUN Bukit Naning bersama Yb Ysahrudin Kusni Ketua Penerangan Keadilan Johor	Dun Bukit Naning
22 Disember 2020	Sumbangan Barangan Dapur di Felda Bukit Batu bersama Yb Jimmy Puah Timbalan Pengerusi Keadilan Negeri	Felda Bukit Batu, Kulai
23 Disember 2020	Aduan penduduk berkenaan penutupan jalan di Taman Bukit Kempas bersama Cabang Keadilan Pulai	Taman Bukit Kempas,Pulai
24 Disember 2020	Edaran Pelitup muka di Kangkar Pulai bersama Cabang Keadilan Iskandar Puteri	Iskandar Puteri
25 Disember 2020	Sumbangan Barangan Dapur sempena Hari Krismas di Kawasan Pagoh bersama Sdr Subramani Bendahari Negeri Keadilan Johor	Parlimen Pagoh
25 Disember 2020	Sumbangan Barangan Dapur sempena Hari Krismas di Kawasan Sekijang bersama Sdr Yoong Thau Naib Pengerusi Keadilan Johor	Kawasan Sekijang
26 Disember 2020	Program Back to School di Parlimen Ledang bersama Pengerusi MPN YB Syed Ibrahim Syed Noh	Parlimen Ledang
27 Disember 2020	Sumbangan barangan Dapur kepada penduduk Kawasan Pagoh bersama Sdr Subramani Bendahari Negeri Keadilan Johor	Parlimen Pagoh
30 Disember 2020	Program Sumbangan 100 Kerusi Plastik di Semerah bersama ADUN Semerah Yb Mohd Khuzzan Abu Bakar	Dun Semerah
31 Disember 2020	Ziarah Asnaf MPN ke Parlimen Sekijang Bersama YB Natrah Naib Pengerusi Keadilan Negeri	Parlimen Sekijang



Diskusi Pemandu Teksi bersama Yb Gopalakrishnan Naib Pengerusi Keadilan Johor



Kempen Kesedaran Anti Keganasan ke atas Wanita di Taman Tasik Merdeka bersama Ketua Wanita Keadilan Johor Sdri Napsiah Khamis dan Yb Akmal Nasrullah Ahli Parlimen JB



Aduan penduduk berkenaan penutupan jalan di Taman Bukit Kempas bersama Cabang Keadilan Pulai





Jelajah Food Bank MPN Johor ke 26 Cabang

LAPORAN TAHUNAN NEGERI KEDAH

Alamat Pejabat
No.1, Kompleks Perniagaan
Gunung Inas, Lebuhraya
Sultanah Bahiyah, 05400,
Alor Setar, Kedah

No. Telefon Pejabat
04-6386779

No Fax Pejabat
04-6386769

Ahli Jawatankuasa Majlis Pimpinan Negeri 2020

Jawatan	Nama
Pengerusi	Dato' Johari Bin Abdul
Timb. Pengerusi	Che Mat Dzaher Bin Ahmad
Naib Pengerusi 1	Haji Nasrul Omar Bin Che Mansor
Naib Pengerusi 2	Yb Ooi Tze Min
Naib Pengerusi 3	Yb Dr Summugam A/L Rengesamy
Ketua Wanita	Datin Sabrina Binti Ahmad
Ketua AMK	Mohammed Firdaus Bin Johari
Setiausaha	Shamsul Anuar Bin Abdullah
Bendahari	Dato' Dr Zulkifly Bin Mohamad
Ketua Penerangan	Razaini Bin Md Isa
Setiausaha Pengelola	Sazari Bin Mohamad
Penolong Bendahari	Law Woon Chin
Tim. Ketua AMK	Mohammad Aizuddin Bin Ariffin
Tim. Ketua Wanita	Hajjah Rahanah Bin Ismail
Ketua Cabang Kuala Kedah	Yb. Dr. Azman bin Ismail
Ketua Cabang Kubang Pasu	Haji Nasrul Omar Bin Che Mansor
Ketua Cabang Langkawi	Adnan bin Hasan
Ketua Cabang Alor Setar	Yb. Dato' Zamri bin Yusof
Ketua Cabang Pokok Sena	Che Mat Dzaher Bin Ahmad
Ketua Cabang Jerlun	Muhammad Rudzi bin Samsudin
Ketua Cabang Padang Terap	Mohd Tahar bin Hussin

Jawatan	Nama
Ketua Cabang Sik	Habib Ahmad Muhaiyuddin bin Habib Danial
Ketua Cabang Merbok	Yb Dr Summugam A/L Rengesamy
Ketua Cabang Baling	Razaini bin Md Isa
Ketua Cabang Sungai Petani	Manimaran A/L Subramaniam
Ketua Cabang Jerai	Poobalan A/L Subramaniam
Ketua Cabang Pendang (Penaja)	Dato' Dr Zulkifly bin Mohamad
Ketua Cabang Padang Serai	Prof Dato' Dr. Balasubramaniam A/L Govindasamy
Ketua Cabang Kulim Bandar Baharu	Teh Lean Ong

Laporan Aktiviti Negeri Bagi Tahun 2020

Tarikh	Program
07.03.2020	Lawatan Kerja MPN Ke Pualu Langkawi. Turut hadir bersama Dato' Pengerusi dan seluruh Pimpinan MPN.
30.05.2020	Jamuan Rumah Terbuka Raya di Kulim Bandar Baharu.
19.06.2020	Beramah Mesra dan Majlis Makan Durian bersama Penduduk di Dun Sungai Tiang, Parlimen Pendang.
26.06.2020	Mesyuarat tertutup JPRP dengan JPRC di MPN Kedah. Turut hadir bersama Yb Senator Haji Ismail Yusop, Dato' Pengerusi MPN serta Pimpinan Cabang, Wanita dan AMK.





Majlis perasmian mesyuarat agung tahunan Parti Keadilan Rakyat dan cabang negeri kedah oleh YAB Dato'Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri Malaysia selaku Pengerusi Lembaga Penasihat.



Jelajah 1.0 MPN Kedah ke cabang Padang Serai dan Kulim Baharu



Lawatan Ziarah Solidariti dan Sidang Media di rumah keluarga Allahyarham Haziq Tarmizi bersama YB Dato Johari Abdul, Pengerusi MPN Keadilan Kedah (Jumaat 22/3/2019 , pukul 3.00 petang)



Program jelajah Presiden Parti Keadilan Rakyat ke Negeri Kedah untuk program majlis dialog bersama pesawah dan penanam-penanam dan perasmmian pejabat keadilan cabang pokok Sena, Kedah.

LAPORAN TAHUNAN NEGERI KELANTAN

Alamat Pejabat
Lot 348, Seksyen 25,
Jln Sultan Yahya Petra,
15150
Kota Bharu, Kelantan

No. Telefon Pejabat
09-7412399

No Fax Pejabat
09-7412390

Ahli Jawatankuasa Majlis Pimpinan Negeri 2020

Jawatan	Nama
Pengerusi	Dato Sri Muhamad Suparadi bin Md Noor
Timb. Pengerusi	Zulqarnain bin Zakaria
Naib Pengerusi 1	Mohd Roslan bin Puteh
Naib Pengerusi 2	Dato Muhamad Azmi bin Alwi
Naib Pengerusi 3	Dato Mohd Rowi bin Dollah
Ketua Wanita	Naziratul Aini bunti Muhamad Sayuty
Ketua AMK	Muhd Hafiz bin Muhd Kasasi
Setiausaha	Mohd Redzuan bin Alias
Bendahari	Tuan Khairul Annuar bin Yuan Yusuf
Ketua Penerangan	Zinda Khalil Sastro bin Hassan
Setiausaha Pengelola	Syed Muhd Alidustur bin Syed Mohd Zain
Penolong Bendahari	
Tim. Ketua AMK	Mohd Izhan bin Ramli
Tim. Ketua Wanita	Habsah binti Mustafa
Ketua Cabang Tanah Merah	Dato Seri Muhamad Suparadi bin Md Noor
Ketua Cabang Pasir Puteh	Ismail bin Mohamad
Ketua Cabang Kubang Kerian	Nik Lukman Hakim bin Nik Omar
Ketua Cabang Pasir Puteh	Roslan bin Ismail
Ketua Cabang Ketereh	Hassan bin Sidek
Ketua Cabang Jeli	Mohd Rafi bin Hashim
Ketua Cabang Pengkalan Chepa	Syed Muhd Alidustur bin Syed Mohd Zain

Jawatan	Nama
Ketua Cabang Kota Bharu	Zinda Khalil Sastro bin Hassan
Ketua Cabang Machang	Mohd Redzuan bin Alias
Ketua Cabang Bachok	Dato Mhd Rowi bin Dollah
Ketua Cabang Pasir Mas	Dato Muhamad Azmi bin Alwi
Ketua Cabang Kuala Krai	Mohd Roslan bin Puteh
Ketua Cabang Gua Musang	Zulqarnain bin Zakaria
Ketua Cabang Rantau Panjang	Roslan bin Ismail

Laporan Aktiviti Negeri Bagi Tahun 2020

Tarikh	Program
6 Februari 2020	Program Penerangan Cakna Rakyat oleh wakil MPN ke Cabang Pengkalan Chepa. Melibatkan AJK Cabang Pengkalan Chepa
8 Februari 2020	Program Cakna Rakyat oleh wakil MPN dengan kerjasama AJK Cabang Kota Bharu. 1. Kampung Sungai Keladi, Tanjung Chat, Kota Bharu 2. Sekolah Kebangsaan Parang Puting, Parang Puting, Sabak, Kota Bharu
9 Februari 2020	Krusus Penerangan Siri 1 di Institut Darul Ehsan (IDE),Shah Alam,Selangor. Melibatkan Penerangan Negeri, Cabang, AMK Cabang dan Wanita Cabang. Kehadiran 21 peserta dari Kelantan dan antara peserta paling ramai
13 Februari 2020	Program Cakna Rakyat oleh wakil MPN dengan kerjasama AJK Cabang Pasir Puteh.Anjuran MPKKP Mukim Panggong dan Kelab Prihatin Warga Pasir Puteh
14 Februari 2020	Program Penerangan Cakna Rakyat oleh wakil MPN ke Cabang Pasir Mas di Pejabat Cabang Pasir Mas.
18 Februari 2020	Program Penerangan Cakna rakyat oleh wakil MPN ke Cabang Kuala Krai di Kesedar Wilayah Kuala Krai. Melibatkan 25 Peserta Cabang Kuala Krai

Tarikh	Program
20 Februari 2020	1. Program Penerangan Cakna Rakyat oleh wakil MPN ke Cabang Gua Musang 2. Jelajah Ukhuwah Wanita Negeri ke Cabang Gua Musang
9 Mac 2020	Ahli MPN menyertai Program “Pertahan Mandat Rakyat (PMR) 2020” di Bukit Kiara, Kuala Lumpur
14 Mac 2020	Temurapat MPN bersama Anggota KEADILAN Kelantan di Hotel Habib, Kota Bharu. Melibatkan seluruh ahli MPN vdan Anggota KEADILAN Kelantan. MPN Kelantan telah membuat kenyataan media dalam majlis ini.MPN Kelantan berdiri teguh di belakang Presiden Parti dan tetap akan berjunag demi mandat rakyat.
18 Mac 2020	#DudukDiRumah#StayAtHome. PKP
10 Julai 2020	Bengkel JPRP bersama Jentera Pilihanraya Cabang.Program melibatkan wakil JPRP bersama MPN,Sekretariat JPRN serta AJK Cabang (Ketua Cabang, Setiausaha Cabang, Ketua AMK Cabang dan Setiausaha Wanita Cabang
10 Julai 2020	Taklimat berkaitan Pilihanraya dan isu-isu Cabang bersama YB Nik Azmi Nik Ahmad melibahtkan Biro Politik MPN dan jemputan. Menyelesaikan isu-isu Cabang yang berbangkit pasca pengkhianatan
21 September 2020	MPN Kelantan telah menghantar 10 orang wakil Biro Politik ke Sabah,meenbantu Jentera Pilihanraya Negeri sebelum hari pengudian 26 September 2020.
25 November 2020	Wakil MPN meninjau pembinaan rumah PPRT yang diluluskan Pada zaman kerajaan PH di DUN Tendong, Pasir Mas.
14 November 2020	Wakil MPN menyampaikan 2 unit bot kepada Kampung Rimba Lima dan Kampung Panjang bagi persediaan musim banjir
23 Disember 2020	Perasmian pejabat ,keadilan N 27 Gual ipoh oleh Pengerusi MPN Dato seri Suparadi bi Md Nor





Majlis Perasmian Pejabat Keadilan N 27 DUN Gual Ipoh Oleh Pengerusi MPN Dato Seri Suparadi B Md Nor



Anggota Keadilan di Hotel Habib Kota Bharu. Melibatkan seluruh ahli MPN Kelantan dan semua anggota Keadilan. MPN Kelantan membuat kenyataan media untuk berdiri teguh di belakang Presiden.



LAPORAN TAHUNAN NEGERI MELAKA

Alamat Pejabat
27-1, Jalan Pusat Niaga
Gangsa , Kampung Gangsa,
Hang Tuah Jaya 76100
Durian Tunggal, Melaka

No. Telefon Pejabat
011 1188 5604

No Fax Pejabat

Ahli Jawatankuasa Majlis Pimpinan Negeri 2020

Jawatan	Nama
Pengerusi Negeri	Halim Bin Bachik
Timbalan Pengerusi Negeri	Gue Teck
Naib Pengerusi Negeri	Mohd. Rafee B. Ibrahim
Naib Pengerusi Negeri	Rusnah Binti Aluai
Naib Pengerusi Negeri	Krishnan A/L Sinnaioh
Ketua Wanita	-
Ketua AMK	Prasanth Kumar A/L Brakasam
Setiausaha	Amran Bin Othman
Bendahari Negeri	Zamri Bin Pakiri
Ketua Penerangan Negeri	Hj Mohammad Shariff Bin MD Isa
Setiausaha Pengelola Ngeri	David Ong Wai Leong
Penolong Bendahari	-
Timbalan ketua AMK	Remy Lim
Timbalan Ketua Wanita	-
Ketua Cabang Masjid Tanah	Halim Bin Bachik
Ketua Cabang Alor Gajah	Ginie Lim Siew Lin
Ketua Cabang Tangga Batu	Gue Teck
Ketua Cabang Kota Melaka	Mahani Binti Masban
Ketua Cabang Hang Tuah Jaya	Mohd. Rafee B. Ibrahim
Ketua Cabang Jasin	Shamsul Iskandar @ Yusre B. Mohd Akin

Laporan Aktiviti Negeri Bagi Tahun 2020

Tarikh	Program
23 Februari 2020	Sambutan Tahun Baru Cina Bersama Penduduk Paya Mengkuang, Masjid Tanah: • Beramah mesra dengan warga emas di dalam program • Cabutan bertuah
29 Julai	Jelajah Presiden di Mudzaffar Hotel



Santai AMK Melaka



Perbicangan bersama Presiden di Bilik Mesyuarat Japerun, Klebang



Hi-Tea bersama TPM di
DUN Tanjung Bidara



Majlis Makan Malam
Pimpinan Keadilan
Melaka bersama
Presiden



Kongres Nasional
Parti Keadilan Rakyat

LAPORAN TAHUNAN NEGERI SEMBILAN

Alamat Pejabat
Lot 16395, No 433, Tkt 2,
Jalan Tuanku Antah 70100
Seremban, Negeri Sembilan
Darul khusus

No. Telefon Pejabat
04-6386779

Ahli Jawatankuasa Majlis Pimpinan Negeri 2020

Jawatan	Nama
Pengerusi	Yab Dato' Seri Hj Aminuddin Harun
Timb. Pengerusi	Yb Dato' Ravi A/L Munusamy
Naib Pengerusi 1	Yb Dato' Hj Ismail Ahmad
Naib Pengerusi 2	Yb Dato' Micheal Yek Diew Ching
Ketua Wanita	Amni Idris
Ketua AMK	Mohd Hafiz Mohamad
Setiausaha	Muhammad Nazri Kassim
Bendahari	Sim Keng Piao
Ketua Penerangan	Tn Hj Yusof Tapar
Setiausaha Pengelola	Ir Rusli Abdullah
Penolong Bendahari	Abdul Shukor Ab Aziz
Tim. Ketua AMK	Mohd Sallehuddin Nazaruddin
Tim. Ketua Wanita	Rusnani Saring
Ketua Cabang SEREMBAN	Yb Senator Dr. Ahmad Azam Hamzah
Ketua Cabang RASAH	Yb Dato' Hj Ismail Ahmad
Ketua Cabang PORT DICKSON	Yb Dato' Ravi A/L Munusamy
Ketua Cabang TAMPIN	Yab Dato' Seri Hj Aminuddin Harun
Ketua Cabang JEMPOL	Rebin Birham
Ketua Cabang JELEBU	Yusmazmi Ahmad Yusof
Ketua Cabang KUALA PILAH	Azlan Hamzah
Ketua Cabang REMBAU	Dato' Hanif Hassan

Laporan Aktiviti Negeri Bagi Tahun 2020

Tarikh	Program
1 Februari 2020	Latihan Persiapan Gerak Kerja Pru15 Dun Sungai Lui
8 Februari 2020	Program Ramah Mesra Dan Perasmian Pejabat
9 Julai 2020	Jelajah Presiden Ke Negeri Sembilan
12 Julai 2020	Tot Jprp
14 Julai 2020	Siri Jelajah Dun – Dun Chembong
14 Julai 2020	Siri Jelajah Dun – Dun Rantau
15 Julai 2020	Majlis Minum Petang – Dun Kota
17 Julai 2020	Bengkel Kewangan Zon Selatan
25 Julai 2020	Taklimat Unit Latihan Jprn Ns Cabang Jelebu
26 Julai 2020	Taklimat Unit Latihan Jprn Ns Cabang Rembau
8 Julai 2020	Taklimat Unit Latihan Jprn Ns Cabang Kuala Pilah
9 Ogos 2020	Taklimat Unit Latihan Jprn Ns Cabang Tampin
16 Ogos 2020	Taklimat Unit Latihan Jprn Ns Cabang Port Dickson
20 Ogos 2020	Pelancaran Bulan Kemerdekaan Penerangan Keadilan
31 Oktober 2020 - 1 November 2020	Bengkel Perancangan Strategi
21 November 2020	Pertemuan Bersama Insaf Malaysia
21 November 2020	Pertemuan Bersama Sekretariat Anak Negeri
6 Disember 2020	Latihan Tot Anak Negeri
15 Disember 2020	Pelancaran Call Center Anggota Parti (Unit Data Jprn)



Program Hari Merdeka Penerangan MPN



Latihan JPRN ke cabang-cabang



Lawatan DSAI ke Negeri Sembilan di Klana, Seremban



Program pemukiman



Program Gerak Bakti Harapan Sg Lui

LAPORAN TAHUNAN NEGERI PAHANG

Alamat Pejabat
A-5, Tingkat 1, Kuantan
Avenue, Jalan Beserah
25200 Kuantan, Pahang

No. Telefon Pejabat
04-6386779

No Fax Pejabat
04-6386769

Ahli Jawatankuasa Majlis Pimpinan Negeri 2020

Jawatan	Nama
Pengerusi	YB Puan Hajjah Fuziah binti Salleh
Timb. Pengerusi	Encik Rizal bin Jamin
Naib Pengerusi 1	YB Encik Lee Chean Chung
Naib Pengerusi 2	YB Senator Manolan Mohamad
Naib Pengerusi 3	Encik Nandakumar al Katirvaloo
Ketua Wanita	Puan Barirah binti Mohd Mokhtar
Ketua AMK	Encik Mohd Mustaqim bin Abd Jalil
Setiausaha	Encik Rafar bin Ahmad
Bendahari	Encik Tan Wei Wun
Ketua Penerangan	Encik Wan Fauzuldin bin Abd Samad
Setiausaha Pengelola	Tuan Haji Zuraidi bin Ismail
Penolong Bendahari	Encik Zulfikar bin Ali Ariffin
Tim. Ketua AMK	Encik Che Wan Mohd Izuan bin Che Wan Md Ali
Tim. Ketua Wanita	Dr. Nazrolnizah binti Mohamad Noorzeli
Ketua Cabang	Tuan Haji Fakhrul Anuar bin Zulkawi
Ketua Cabang	Encik Wan Fauzuldin bin Abd Samad
Ketua Cabang	Encik Zulfikar bin Ali Ariffin
Ketua Cabang	Tuan Haji Bostamin bin Bakar
Ketua Cabang	Encik Wong Chun Yuan
Ketua Cabang	Encik Shanmuganathan al Muniandy
Ketua Cabang	Encik Sivanandar al Genapathy

Jawatan	Nama
Ketua Cabang	Encik Mohamad
Ketua Cabang	Hafez bin Harun
Ketua Cabang	Encik Mohd Kamal bin Yusof
Ketua Cabang	Encik Jamaludin bin Masri
Ketua Cabang	Encik Tan Wei Wun
Ketua Cabang	YB Encik Lee Chean Chung
Ketua Cabang	YB Senator Manolan Mohamad
Ketua Cabang	Encik Rizal bin Jamin

Laporan Aktiviti Negeri Bagi Tahun 2020

Tarikh	Program
11 Januari 2020	Mesyuarat MPN kali 1/2020 di Pejabat MPN
13 Januar 2020	Mesyuarat PH Pahang kali 1/2020
15 Januari 2020	Mesyuarat Kali Pertama 2020 Biro Felda Negeri Pahang
8 Julai 2020	Mesyuarat Wanita Keadilan Pahang Kali Kedua bertempat di Pejabat MPN Negeri
25 Julai 2020	Mesyuarat Panel Penilai Pemilihan Calon Penyelaras Parlimen dan DUN di Perpustakaan Ibu Pejabat Parti Keadilan Rakyat
